



Rujukan Kami:KKM.100-2/5/19 (36)

Tarikh : 13 April 2020

Kepada sesiapa yang berkenaan,

MAKLUMAN PERKHIDMATAN OPTOMETRI SEBAGAI *ESSENTIAL SERVICES* DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 April 2020 mengenai sambungan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara mulai 15 Mac 2020 sehingga 28 April 2020 bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan dimaklumkan bahawa perkhidmatan optometri adalah termasuk di bawah perkhidmatan kesihatan yang merupakan perkhidmatan penting Negara (*essential services*).

3. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meneruskan atau menangguhkan perkhidmatan optometri di premis optikal adalah tertakluk kepada pengurusan premis masing-masing. Hanya premis yang **mempunyai pengamal optometri berdaftar sahaja dibenarkan dibuka** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

4. Jika perkhidmatan optometri diteruskan, adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan untuk patuh kepada garis panduan seperti di **Lampiran 1**. Pihak majikan yang gagal mematuhi garis panduan ini, boleh mengakibatkan premis diarahkan untuk ditutup serta merta. Segala kerjasama yang diberikan amatlah diharapkan bagi memastikan rantaian COVID-19 terputus dan negara Malaysia terselamat dari wabak ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

NOR AZIZAH BINTI ISMAIL

Setiausaha

Majlis Optik Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY-QMS 01897



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OPTOMETRI SWASTA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



A) Perkhidmatan optometri yang dibenarkan

- i. Membaiki cermin mata yang rosak, hilang atau pecah.
- ii. Pesakit memerlukan cermin mata untuk kegunaan harian.
- iii. Pesakit mempunyai masalah dengan kanta lekap dan memerlukan pemeriksaan mata segera atau mendapatkan bekalan kanta lekap.
- iv. Temujanji ulangan bagi kes-kes penting seperti Ortho-K dan *keratoconus*.
- v. Pesakit mengadu mata kabur secara tiba-tiba

B) Panduan Perlindungan Bagi Pekerja Dan Pengamal Optometri Berdaftar

- i. Bilangan pekerja hendaklah berada di tahap minima sepanjang tempoh PKP ini.
- ii. Syarikat hendaklah mempunyai alat saringan suhu badan (thermal scanners) dan menjalankan saringan suhu kepada setiap pekerja semasa datang bekerja dan sebelum balik ke rumah dan menyimpan rekod bacaan suhu tersebut.
- iii. Majikan/pengurus syarikat hendaklah mengambil tindakan segera sekiranya ada pekerja yang menunjukkan simptom-simptom tidak sihat.
- iv. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID19 semasa menjalankan tugas, syarikat hendaklah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses sanitasi dan lain-lain kos yang berkaitan.
- v. Semua pengamal optometri berdaftar sekiranya perlu menjalankan pemeriksaan mata ke atas pesakit hendaklah menggunakan topeng muka, sarung tangan dan digalakkan menggunakan alat pelindung diri iaitu Personal Protective Equipment (PPE).
- vi. Menerima kes berdasarkan temujanji sahaja dan tidak menerima kes-kes walk-in dan elakkan dari menjalankan pemeriksaan mata rutin.



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OPTOMETRI SWASTA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



C) Panduan Perlindungan Bagi Pelanggan

- i. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakkan sosial di antara pelanggan disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi.
- ii. Menjalankan saringan suhu ke atas setiap pesakit yang datang ke premis. Tidak meneruskan pemeriksaan mata atau membuat sebarang urusan niaga dengan pesakit yang menunjukkan simptom tidak sihat.
- iii. Saringan hendaklah dilakukan bagi memastikan pesakit yang ada sejarah perjalanan ke negara berisiko atau ada kontak dengan pesakit COVID-19 dalam masa 14 hari tidak diterima.
- iv. Menghadkan urusan dengan pesakit sahaja dan seorang waris bagi pesakit kanak-kanak/warga tua.
- v. Menjalankan sanitasi ke atas peralatan optometri setiap kali selepas digunakan ke atas pesakit dan sebelum digunakan ke atas pesakit lain.

D) Prosedur Tempat Kerja (Premis)

- i. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi di premis masing-masing sebelum dan selepas operasi mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Syarikat hendaklah menyediakan hand sanitizer / disinfecting kits di pintu masuk, di dalam bilik pemeriksaan mata dan tempat-tempat lain yang berkaitan, serta mewajibkan pemakaian topeng muka oleh setiap pekerja dan pesakit.
- iii. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat wajib melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah Berkaitan dan premis hendaklah DITUTUP.